

17, 18, 21, 29, 30, 31
10, 11, 20, 21

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

ATW211 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN (8)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

1. (a) Syarikat WBC telah merekod urusniaga berikut bagi bulan Februari 1997:

| | <u>Bahan</u> RM | <u>Kerja dalam</u> <u>proses</u> RM | <u>Barangsiap</u> RM |
|--|--------------------|---|-------------------------|
| Belian | 100,000 | | |
| Inventori mula | 18,000 | 8,000 | B |
| Inventori akhir | A | 20,000 | 20,000 |
| Bahan langsung digunakan | | 90,000 | |
| Buruh langsung | | C | |
| Overhed kilang (termasuk RM10,000 bahan tak langsung) | | 115,000 | |
| Dipindah ke barangsiap | | D | |
| Kos barang dijual | | | E |

Jualan berjumlah RM560,000 bagi bulan Februari. Harga jualan diletak dengan *mark-up* 40% kos pengilangan. Kos input baru kepada proses pengilangan dalam bulan itu berjumlah RM285,000.

Dikehendaki:

Tentukan nilai-nilai yang ditanda A hingga E di atas.

[10 markah]

...2/-

- (b) Syarikat OC mengeluarkan beg yang dijual pada harga RM30 setiap satu. Kos pengilangan boleh ubah piawai ialah RM19.50. Belanjawan kos overhead tetap untuk tahun 1996 ialah RM100,000 manakala belanjawan pengeluaran berjumlah 10,000 unit. Pengeluaran sebenar untuk tahun 1996 ialah 12,500 unit; yang mana 11,000 daripadanya telah dijual. Tiada sebarang varians dialami dalam tahun 1996, kecuali varians overhead tetap. Kos boleh ubah jualan dan tadbiran ialah RM0.50 seunit yang dijual, kos tetap jualan dan tadbiran berjumlah RM5,000.

Dikehendaki:

- (i) Kirakan kos piawai produk seunit beg tidur dengan menggunakan pengekosan serapan dan pengekosan variabel.
- (ii) Tetapkan amaun varians volum overhead tetap bagi tahun 1996.
- (iii) Sediakan penyata pendapatan bagi tahun 1996 dengan menggunakan pengekosan serapan dan pengekosan variabel.
- (iv) Lakukan penyesuaian antara pendapatan yang dilaporkan melalui kedua-dua pendekatan pengekosan di atas.

[15 markah]

2. (a) Pada 1 Mei 1996, terdapat 10,000 unit kerja dalam proses di Syarikat Dandy. Unit-unit tersebut telah 100% siap dari segi bahan yang bernilai RM30,000, manakala 30% siap dari segi proses menukar yang bernilai RM1,850. Dalam bulan Mei, 150,000 unit telah siap sepenuhnya dan dipindahkan keluar ke stor barangsiap. Inventori kerja dalam proses pada 31 Mei mengandungi 10,000 unit. Unit-unit ini dianggar 100% siap dari segi bahan dan 80% dari segi proses menukar. Kos yang ditambah dalam bulan Mei terdiri dari RM330,000 bagi bahan dan RM503,750 bagi proses menukar.

...3/-

Dikehendaki:

- (i) Dengan menggunakan kaedah purata wajar, kirakan
- unit bersamaan barngsiap bagi bahan dan proses menukar.
 - kos seunit bersamaan barngsiap bagi bahan dan proses menukar.
 - kos barngsiap yang dipindahkan ke stor.
 - kos inventori akhir kerja dalam proses.

[16 markah]

- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan penyatuan goal (*goal congruence*)?
- (ii) Bezakan di antara pusat hasil, pusat kos, pusat keuntungan dan pusat pelaburan.
- (iii) Terangkan kenapa Sistem Perakaunan Bertanggungjawab agak lebih rumit untuk dilaksanakan di organisasi yang besar berbanding dengan organisasi yang kecil.

[9 markah]

3. (a) Paterno Sdn. Bhd. membuat dan menjual sejenis barangan. Data harga dan kos barangan Paterno serta operasinya adalah seperti berikut:

| | | | |
|------------------------------|-------------------|----|------------|
| Harga jualan seunit | | RM | 50.00 |
| Kos boleh ubah seunit: | | | |
| Bahan langsung | RM22.00 | | |
| Buruh langsung | 10.00 | | |
| Overhed kilang | 5.00 | | |
| Belanja jualan | <u>2.60</u> | | |
| Jumlah kos boleh ubah seunit | | RM | 39.60 |
| Kos tetap setahun: | | | |
| Overhed kilang | RM384,000.00 | | |
| Belanja jualan & tadbiran | <u>552,000.00</u> | | |
| Jumlah kos tetap | | RM | 936,000.00 |

...4/-

Dikehendaki:

- (i) Kirakan titik pulang modal Syarikat Paterno dalam unit dan hasil jualan.
- (ii) Berapa unit yang harus Paterno Sdn. Bhd. jual untuk memperoleh keuntungan RM520,000?
- (iii) Sekiranya jualan syarikat itu berjumlah RM6,000,000, kirakan margin keselamatannya.
- (iv) Syarikat itu menganggarkan kos buruh langsungnya akan meningkat 8% pada tahun hadapan. Berapa unitkah yang perlu dijual untuk mencapai titik pulang modal?
- (v) Andaikan yang kos bahan langsung syarikat meningkat 8% seunit dan kos tetap jualan dan tadbiran meningkat 10%. Oleh kerana kawalan kos dan kerjasama pihak pengurusan dengan pekerja yang baik, kos buruh langsung dan overhead kilang dijangka tidak akan berubah. Berapakah harga jualan seunit yang perlu diletakkan untuk mendapatkan nisbah margin caruman yang sama? Bulatkan kepada dua titik perpuluhan.

[15 markah]

- (b) Hukum am perletakan harga pindahan ialah amaun kos *outlay* ditambah kos melepas. Namun demikian, terdapat banyak syarikat yang menggunakan harga pindahan yang dirundingi, bukan seperti hukum am tersebut.

Dikehendaki:

- (i) Pendekatan yang mana di antara yang disebut di atas yang akan menghasilkan keputusan optimal? (Sekiranya anda mendapati ada pertelingkahan antara keputusan jangka pendek dengan jangka panjang, jawab dari perspektif jangka pendek).
- (ii) Apakah kebaikan harga pindahan yang dirunding dari perspektif keseluruhan firma?

[10 markah]

...5/-

4. (a) Whalis Bhd. menggunakan sistem pengekosan piawai untuk mengekos satu daripada produknya. Pengeluaran biasa ialah 3,000 unit sebulan. Piawai buruh langsung dan overhed seunit barangan adalah seperti berikut:

| | | |
|--------------------|------------------------|-----------|
| Buruh langsung | 15 jam @ RM8 | RM120 |
| Overhed boleh ubah | 15 jam @ RM10 | 150 |
| Overhed tetap | RM180,000 ÷ 3,000 unit | <u>60</u> |
| | | RM330 |

Dalam bulan September, 2,000 unit telah dikeluarkan dengan kos seperti berikut:

| | |
|--------------------------------------|----------------|
| Buruh langsung (38,000 jam @ RM9.20) | RM349,600 |
| Overhed boleh ubah | 338,200 |
| Overhed tetap | <u>162,000</u> |
| Jumlah kos | RM849,800 |
| | ===== |

Dikehendaki:

- (i) Kirakan varians keseluruhan, varians kadar dan varians kecekapan bagi buruh langsung.
- (ii) Kirakan varians keseluruhan, varians belanja dan varians kecekapan bagi overhed kilang boleh ubah.
- (iii) Kirakan varians keseluruhan, varians belanjawan dan varians volum bagi overhed kilang tetap.

[15 markah]

- (b) Terangkan dan bincangkan empat daripada senarai di bawah ini:

- (i) Pendapatan lebihan.
- (ii) Belanjawan fleksibel.
- (iii) Overhed lebih diserap.
- (iv) Kos separa boleh ubah.
- (v) Pemandu kos.

[10 markah]

...6/-

5. (a) Syarikat PC mengilang sejenis mesin membancuh kopi. Syarikat ini juga membuat semua komponen yang diperlukan untuk memasang mesin kopi itu, termasuk komponen X21. Baru-baru ini PC telah menerima satu tawaran daripada Syarikat HGW untuk membekal komponen X21 pada PC dengan harga RM6 seunit. PC memerlukan 30,000 unit komponen X21 setahun dan HGW menjamin untuk membekal pada paras permintaan ini.

Maklumat dalaman bagi pengeluaran komponen X21 adalah seperti berikut:

| | |
|---------------------------------|--------|
| Bahan langsung | RM3.60 |
| Buruh langsung | 1.20 |
| Overhed kilang (25% boleh ubah) | 4.00 |
| | <hr/> |
| Kos penuh pengeluaran | RM8.80 |
| | <hr/> |

Dikehendaki:

- (i) Adakah PC harus menerima tawaran HGW atau terus membuat komponen X21 sendiri? Terangkan.
- (ii) Tanpa mengambilkira jawapan anda di (i), berikan dua alasan kenapa PC mungkin menolak tawaran itu, dan dua alasan kenapa ia mungkin menerima tawaran itu.
- (iii) Terangkan ciri-ciri yang menjadikan sesuatu maklumat itu relevan untuk sesuatu keputusan.

[10 markah]

...7/-

- (b) Syarikat JC memproses buah-buahan dan sayur-sayuran yang ditanam di Cameron Highlands. Akaun-akaun berikut didapati di dalam lejar syarikat pada 31 Disember 1996.

| Inventori bahan mentah | |
|------------------------|--------|
| Baki 1/1 | 21,000 |
| | ? |
| Baki 31/12 | 36,000 |

| Akaun belum bayar | |
|-------------------|----------------|
| 136,500 | 2,500 Baki 1/1 |
| | ? Baki 31/12 |
| | 1,000 |

| Inventori kerja dalam proses | |
|------------------------------|--------|
| Baki 1/1 | 17,000 |
| Bahan langsung | ? |
| Buruh langsung | ? |
| OH kilang | ? |
| Baki 31/12 | 19,000 |

| Inventori barangsiap | |
|----------------------|--------|
| Baki 1/1 | 12,000 |
| | ? |
| Baki 31/12 | 20,000 |

| OH Kilang | |
|-----------|---|
| ? | ? |

| Kos barang dijual | |
|-------------------|--|
| 710,000 | |

| Upahan belum bayar | |
|--------------------|----------------|
| 147,000 | 2,000 Baki 1/1 |
| | ? Baki 31/12 |
| | 5,000 |

| Hasil jualan | |
|--------------|---|
| | ? |

| Akaun belum terima | |
|--------------------|--------|
| Baki 1/1 | 11,000 |
| | ? |
| Baki 31/12 | 15,000 |

Inv. Bahan Mentah
21,000

Maklumat tambahan

- (i) Akaun belum bayar digunakan hanya untuk belian bahan langsung.
- (ii) Overhed kurang diserap sebanyak RM2,500 masih belum ditutup kepada kos barang dijual.

Dikehendaki:

Siapkan akaun-akaun T dengan mengisi amaun-amaun yang ditanda dengan tanda soal (?).

[15 markah]

---ooo000ooo---